

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2/1986

PERMOHONAN SUPAYA DILELONG TANAH KERANA KEMUNKIRAN
MENEBUS GADAIAN MENGIKUT S.260 KTN.

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan tentang cara yang patut diambil selepas menerima permohonan di bawah S.260 KTN. Mengikut peruntukan S.261 setelah menerima permohonan itu Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah –

- (a) Menetapkan masa dan tempat untuk mengadakan perbicaraan [S.261(1)(a)];
 - (b) memberitahu pemegang gadai tentang masa dan tempat tersebut [S.261(1)(b)];
 - (c) memberitahu penggadai iaitu tuan tanah supaya menghadiri tempat perbicaraan dan sila minta sebab-sebab mengapa perintah (supaya tanah berkenaan dijual lelong) tidak boleh dikeluarkan.
2. Tindakan perbicaraan adalah dinyatakan di bawah Bab 4 daripada Bahagian 2 KTN [S.23-S.39 KTN.].
3. Perkara-perkara yang patut ditimbang di dalam perbicaraan adalah bagaimana ditetapkan di bawah S.262 KTN.
4. Demi untuk memberi keadilan kepada kedua-dua pihak dan **andainya dipersetujukan oleh pihak pemegang gadai atau Bank** maka tindakan berikut boleh diambil:-
- (a) Memberi tempoh supaya tuan tanah menjelaskan bayaran bulanan mengikut jumlah dalam perjanjian pada tiap-tiap bulan ;
 - (b) Bagi bayaran kebelakangan (arrears) bolehlah diberi tempoh juga supaya dijelaskan secara beransur (sekiranya dipersetujui oleh pihak pemegang gadai atau bank);

- (c) Sekiranya tuan tanah masih tidak dapat menunaikan perkara di para 4(a) dan (b) dalam masa yang ditetapkan maka perintah jual lelong tanah berkenaan hendaklah dikeluarkan.

5. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil maklum perkara ini.

t.t
(HJ.ISMAIL B.HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 15HB. JULAI, 1986

FAIL : P.T.G.KN. 6379/ JLD.2/ (5).

KEPADA:-

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan..

SALINAN KEPADA :-

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan, Kota Bharu.
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
3. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
4. YABrs. Juru Odit Negeri Kelantan.
5. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
7. YABrs. Pegawai Tadbir dan Pegawai Pasukan Petugas Pejabat P.T.G.